

Tinjauan Global 2020 daripada ISAPS Menunjukkan Perubahan Ketara dalam Prosedur Estetik Semasa Pandemik

Penutupan amalan disebabkan COVID-19 membawa kepada penurunan sebanyak 10.9% dalam prosedur pembedahan

WEST LEBANON, New Hampshire, 28 Disember 2021 /PRNewswire/ -- Persatuan Pembedahan Plastik Estetik Antarabangsa (ISAPS) telah mengeluarkan hasil Tinjauan Global tahunannya ke atas Prosedur Estetik/Kosmetik pada hari ini yang mempamerkan kesan pandemik COVID-19 terhadap prosedur pembedahan plastik estetik di seluruh dunia sepanjang tahun 2020.



Sorotan

Prosedur pembedahan plastik untuk tujuan estetik telah menurun sebanyak 10.9% secara keseluruhannya pada tahun 2020, dengan 77.8% pakar bedah di seluruh dunia mengalami penutupan amalan sementara semasa pandemik COVID-19. Prosedur bukan pembedahan (terutamanya rawatan pengisi dan penyingkiran bulu) terus meningkat tetapi pada perkadaran yang lebih rendah berbanding yang dilihat pada tahun-tahun sebelumnya (5.7% pada tahun 2020, berbanding 7.6% pada tahun 2019). Ini menyebabkan penurunan keseluruhan sebanyak 1.8% untuk semua prosedur.

Dr. Arturo Ramirez-Montañana, Pengerusi Jawatankuasa Tinjauan Global ISAPS berkata, "Trend menurun ini adalah sejajar dengan penemuan tinjauan kami terhadap permintaan pesakit yang lebih rendah berikutan daripada kebimbangan keselamatan dan kewangan semasa pandemik COVID-19. Pada masa yang sama, kebanyakan daripada kami juga telah mengalami peningkatan permintaan disebabkan oleh peningkatan fleksibiliti pesakit, peluang untuk pemulihan yang lebih peribadi dan khususnya prosedur pada wajah yang dikenali sebagai 'kesan zoom'. Ini telah mengehadkan kesan COVID-19 ke atas prosedur keseluruhan."

Prosedur Estetik

Prosedur pembedahan yang paling biasa dilakukan di seluruh dunia kekal sama pada tahun 2020, dengan pembesaran payudara sebanyak 16% daripada semua prosedur, sedutan lemak 15.1%, pembedahan kelopak mata 12.1%, rinoplasti 8.4% dan abdominoplasti 7.6%.

Lima prosedur bukan pembedahan yang teratas juga kekal konsisten: toksin botulinum (43.2% daripada kesemua prosedur bukan pembedahan), asid hialuronik (28.1%), penyingkiran bulu (12.8%), pengurangan lemak bukan pembedahan (3.9%) dan rejuvenasi foto (3.6%). Kira-kira 85% daripada prosedur bukan pembedahan dilakukan ke atas golongan wanita.

Walaupun terdapat pengurangan keseluruhan dalam pembedahan, rinoplasti dan pembedahan menaikkan kening terus meningkat dan rejuvenasi wajah bukan pembedahan menunjukkan peningkatan sebanyak 13.9% berbanding penurunannya pada tahun 2019 dan 2018.

Secara keseluruhannya, prosedur bukan pembedahan telah meningkat, kecuali toksin botulinum, asid hialuronik dan penaikan mikro ablatif (masing-masing menurun sebanyak 0.9%, 6.1% dan 11.3%).

Prosedur pembedahan yang paling biasa bagi lelaki kekal sebagai pembedahan kelopak mata, sedutan lemak, ginekomastia, rinoplasti dan pembedahan telinga.

Melihat pada taburan umur untuk prosedur yang berbeza, golongan berusia 19-34 tahun membentuk peratusan tertinggi bagi mereka yang menjalani rinoplasti (67.9%) manakala golongan berumur 35-50 tahun menyumbang kepada majoriti bagi prosedur toksin botulinum (50.2%).

Pada waktu tinjauan ini dibuat, hanya 45% daripada pakar bedah telah menyaksikan bilangan pesakit kembali kepada jumlah pesakit sebelum pandemik. Dr. Ramirez-Montañana berkata, "Walaupun terdapat pandemik teruk yang sedang kita tempuhi, nampaknya kebanyakan pakar bedah plastik estetik hampir kembali kepada amalan yang biasa dan saya optimis tentang tahun 2021, baik untuk industri pembedahan plastik mahupun untuk prosedur pembedahan dan bukan pembedahan."

Statistik Negara

Amerika Syarikat menyaksikan peningkatan dalam kedua-dua prosedur pembedahan dan bukan pembedahan, mengukuhkan kedudukannya sebagai negara nombor satu untuk prosedur pembedahan yang dilakukan di seluruh dunia (14.7% daripada jumlah prosedur pembedahan) dan mendahului Brazil dengan prosedur bukan pembedahan yang paling banyak dilakukan di seluruh dunia (22.1% daripada jumlah prosedur bukan pembedahan).

10 negara teratas untuk prosedur pada tahun 2020 ialah Amerika Syarikat, Brazil, Jerman, Jepun, Turki, Mexico, Argentina, Itali, Rusia dan India, diikuti oleh Sepanyol, Greece, Colombia dan Thailand.

Mexico, Turki dan Colombia mencatatkan kadar tertinggi pesakit warga asing: 28.2%, 25.8% dan 21.8%, masing-masing pada tahun 2020. Thailand yang memegang kedudukan pertama tahun lalu berada di tempat keempat tertinggi dengan peratusan 20.9%.

Hospital terus menjadi kemudahan utama sebagai tempat prosedur pembedahan dijalankan (43.8% di seluruh dunia), selain daripada Amerika Syarikat dengan kemudahan pejabat (45% daripada prosedur) dan pusat pembedahan bebas (34.3%) lebih kerap digunakan.

Metodologi Tinjauan

Peserta tinjauan telah melengkapkan soal selidik yang memberi tumpuan terutamanya kepada bilangan prosedur pembedahan dan bukan pembedahan tertentu yang dilakukan pada tahun 2020, bersama-sama dengan beberapa soalan sampingan yang berkaitan dengan kesan COVID-19, demografi pakar bedah dan prevalens pelancongan perubatan. Soal selidik ini telah dihantar kepada kira-kira 25,000 orang pakar bedah plastik dalam pangkalan data ISAPS. Data daripada sejumlah 1,081 orang pakar bedah plastik telah disusun untuk tinjauan ini. Hasilnya telah disusun, dijadualkan dan dianalisis oleh Industry Insights, sebuah firma penyelidikan bebas yang berpangkalan di Columbus, Ohio. ISAPS ialah satu-satunya organisasi yang mengumpul data kosmetik jenis ini setiap tahun pada skala global. Untuk salinan keputusan penuh, sila layari <https://www.isaps.org/medical-professionals/isaps-global-statistics/>.

Tentang ISAPS – Persatuan Pembedahan Plastik Estetik Antarabangsa (ISAPS) ialah badan profesional terkemuka di dunia untuk pakar bedah plastik estetik yang diperakui oleh ahli lembaga. Ditubuhkan pada tahun 1970, ISAPS menyediakan sebuah forum terbuka untuk pertukaran pengetahuan pembedahan plastik estetik di seluruh dunia. ISAPS menaja dan menyokong mesyuarat saintifik di seluruh dunia serta menawarkan latihan terkini dan pendidikan berterusan kepada ahli-ahlinya. Hari ini, keahlian ISAPS merangkumi lebih 5,100 orang pakar bedah estetik dan rekonstruktif

yang paling dihormati di dunia di 110 buah negara. Pesakit yang mencari pakar bedah plastik estetik boleh menggunakan ciri [Cari Pakar Bedah](#) kami untuk mencari pakar bedah yang berkeelayakan dan berpengalaman dengan komitmen yang ditunjukkan terhadap amalan beretika dan keselamatan pesakit.

Logo - https://mma.prnewswire.com/media/1038963/ISAPS_Logo.jpg

HUBUNGAN: media@isaps.org